



KOLEKSI



INISIATIF PENCEGAHAN RASUAH, INTEGRITI & TATA KELOLA

UNIT INTEGRITI AGENSI AWAM




PROGRAM KHIDMAT NASIHAT INTEGRITI, BICARA INTEGRITI DAN PROGRAM PEMATUHAN (PKNI)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)

Program Khidmat Nasihat Integriti, Bicara Integriti dan Program Pematuhan (PKNI) merupakan aktiviti yang dilaksanakan oleh Unit Integriti (UI) KPDN. Program ini adalah penambahbaikan daripada Program Turun Padang di bawah fungsi Pengukuhan Integriti dan fungsi Pematuhan. PKNI dilaksanakan secara bersemuka di mana UI akan turun ke negeri atau cawangan untuk menyampaikan taklimat dan bual bicara bersama pegawai dan kakitangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) serta memberi khidmat nasihat dan kesedaran berkaitan nilai-nilai moral, kepentingan amalan tata kelola yang baik serta integriti dalam pekerjaan.

Program ini mensasarkan seluruh warga kerja KPDN dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang berada di negeri dan cawangan. Ia akan dijalankan sekurang-kurangnya sekali atau dua kali sebulan. PKNI merupakan inisiatif dalaman UI dan telah mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Pengurusan Tertinggi dan Ketua Jabatan/Pengarah Negeri di seluruh Malaysia. Pengurusan Tertinggi telah menetapkan kehadiran warga KPDN bagi program ini adalah wajib.

OBJEKTIF PKNI




Menjelaskan fungsi teras Unit Integriti

Memantapkan tahap integriti warga KPDN ke arah mencapai sistem perkhidmatan yang lebih cemerlang

Membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika


Memastikan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh serta dapat meningkatkan semangat patriotisme

Memastikan undang-undang, peraturan, polisi dan dasar yang berkuatkuasa dipatuhi



KUMPULAN SASAR

Tempoh masa yang praktikal



Kos tidak tinggi

Peserta terhad dan mudah dikawal

Direct contact bersama peserta

KELEBIHAN PKNI

- Meningkatkan jalinan bersama warga KPDN
- Isu integriti dapat diselesaikan
- Isu integriti dapat disuarakan

IMPAK PKNI

Pelaksanaan sesuatu PKNI adalah bermula dari perancangan oleh UI mengenai lokasi lawatan, persiapan program bersama pejabat KPDN Negeri/ Cawangan dan penyediaan laporan PKNI setelah selesai program. Setiap PKNI akan disusuli dengan pemeriksaan pematuhan oleh UI ke atas peraturan, tatacara, pekeling dan undang-undang yang berkuat kuasa. Sejak program ini dilaksanakan, UI lebih kerap berinteraksi secara bersemuka dengan warga agensi. Perkara ini membantu meningkatkan jalinan persefahaman antara mereka serta isu-isu integriti dapat disuarakan dan diselesaikan dengan lebih berkesan. Kumpulan sasaran yang spesifik dapat membantu UI memfokuskan isu-isu mikro yang dihadapi oleh peserta. PKNI juga tidak memakan tempoh masa yang lama dan tidak melibatkan implikasi kewangan yang tinggi di mana dapat dilaksanakan dengan lebih praktikal dan mudah.



BANTUAN ELAUN KASUT (BEK) : KAEDAH BAYARAN TERUS KE AKAUN PEGAWAI ELAK TUNTUTAN PALSU

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)



BANTUAN ELAUN KASUT


Bantuan Elaun Kasut (BEK) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dilaksanakan melalui kaedah bayaran terus elaun kasut Pegawai Perkhidmatan Awam yang layak ke dalam akaun pegawai berkenaan. Pembayaran BEK dibuat dengan menggunakan baucer bayaran tanpa pesanan tempatan di Modul Invois Tanpa Pesanan Tempatan iGFMAS. Kaedah ini menggantikan kaedah bayaran balik melalui tuntutan resit bagi melancarkan proses pengurusan serta menangani isu-isu integriti seperti pemalsuan resit dan tuntutan palsu.



Garis Panduan Bantuan Elaun Kasut (BEK) berkuatkuasa 1 Januari 2022

Garis panduan ini menjelaskan pelaksanaan BEK, kadar dan syarat kelayakan serta proses pengesahan dan pembayaran elaun tersebut. BEK tidak melibatkan sebarang pertambahan peruntukan di mana jumlah yang sama diperuntukkan dengan kaedah tuntutan bayaran balik pembelian kasut. Kos pelaksanaan adalah minimum kerana bilangan kasut yang diperuntukkan adalah mengikut kelayakan pegawai iaitu sebanyak dua (2) pasang setahun dengan kadar maksimum sebanyak RM150 sepasang.






SISTEM RINGKAS MAKLUMAT ADUAN DAN STATUS TINDAKAN UNIT INTEGRITI - ZERO KOS

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)

Maklumat Aduan dan Status Tindakan adalah sistem pangkalan data dalaman yang digunakan oleh Unit Integriti (UI) NRECC bagi mengurus maklumat atau aduan integriti. Sistem ini telah mula diaplikasikan sepenuhnya pada sekitar Jun 2021 dengan menambah baik ciri-ciri sedia ada dalam bentuk *Excel* dan diterjemahkan ke dalam Google Docs dengan menggunakan format *Excel*. Pangkalan data ini dipaparkan dalam bentuk *Excel* dan dimasukkan ke dalam Google Drive yang dikongsi hanya antara Pegawai Integriti (PI) dan Ketua Unit Integriti (KUI). Tujuan sistem ringkas maklumat aduan dan status tindakan ini dikongsi dalam Google Drive adalah untuk memudahkan KUI memantau status maklumat, bilangan maklumat dan butirannya pada bila-bila masa tanpa mengganggu urusan PI. Pada tahun 2022, butiran pada sistem telah ditambah baik selaras dengan keperluan butiran di dalam sistem Agency Integrity Management System (AIMS).


KELEBIHAN SISTEM



- 1 Penggunaan kaedah ini adalah lebih efisien, mudah akses dan terkini
- 2 Rekod/ data boleh dirujuk pada bila-bila masa oleh KUI/ PI melalui telefon atau laptop
- 3 Rekod/ data boleh dirujuk di mana-mana lokasi secara atas talian oleh KUI/PI
- 4 Kesegeraan penyaluran atau perkongsian butiran maklumat kepada KUI/ KSU
- 5 Memudahkan pemantauan status dan tindakan maklumat/ aduan dari masa ke semasa oleh KUI
- 6 Lebih pratikal dan mudah ditambahbaik tanpa keperluan *outsourcing*
- 7 Kesegeraan dalam memberi maklum balas data dalam mesyuarat dalaman agensi
- 8 Pembangunan dan pelaksanaan sistem tidak melibatkan sebarang kos

Sistem ini dibangunkan berdasarkan fungsi di bawah Seksyen Aduan, Pengesanan dan Pengesahan UI NRECC selaras dengan 6 Fungsi Teras UI Awam. Sistem ini juga adalah cetusan idea UI sendiri untuk memudahkan kesegeraan penyaluran atau perkongsian butiran maklumat kepada KUI. PI di Seksyen Aduan, Pengesanan dan Pengesahan (P&P) serta KUI terlibat dalam pembangunan sistem ini. Tiada sebarang kos yang terlibat dalam pembangunan dan pelaksanaan sistem ini.

ALIRAN KERJA SISTEM



Sistem Ringkas Maklumat Aduan Dan Status

PEMERIKSAAN DAN PERUNDINGAN (PMP) KENDIRI

KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)

Pemeriksaan dan Perundingan (PMP) sendiri merupakan inisiatif untuk mengenal pasti dan mengurangkan isu-isu berkaitan tadbir urus dan risiko rasuah di NRECC. PMP merupakan salah satu aktiviti di bawah Seksyen Tadbir Urus UI NRECC selaras dengan 6 Fungsi Teras Unit integriti (UI) Awam. PMP yang disertakan dengan sesi khidmat nasihat dikendalikan sendiri oleh UI NRECC dari semasa ke semasa.

Tujuan PMP dan khidmat nasihat sendiri oleh UI NRECC adalah untuk meningkatkan keyakinan kementerian termasuk jabatan dan agensi di bawah kementerian terhadap peranan penempatan pegawai SPRM bukanlah berfokus membongkar kesalahan dan menghukum agensi tetapi lebih kepada membantu agensi dalam memperkemas tadbir urus khususnya bagi mengurangkan risiko terhadap kesalahan-kesalahan berkaitan rasuah.

Cetusan idea PMP sendiri ini adalah susulan rekod kes-kes disiasat oleh UI NRECC yang mana terdapat keadaan kurang kerjasama diperoleh terutamanya dari pihak atasan atas faktor-faktor defensive, ego dan sentimen tidak mahu mendedahkan kelemahan agensi. Justeru itu, dalam mendepani isu kelemahan tadbir urus UI NRECC mengambil tindakan yang lebih diplomasi iaitu berperanan sebagai penasihat yang dapat memberikan khidmat perundingan disamping dipercayai. Inisiatif ini juga merupakan antara tindakan proaktif dalam menghadapi kekangan kekurangan pegawai di UI NRECC.

Inisiatif ini telah mendapat sokongan dan kerjasama daripada semua pihak khususnya Pengurusan Tertinggi jabatan dan agensi di bawah NRECC. Secara tidak langsung, pelaksanaan fungsian UI NRECC adalah lebih lancar dan efektif.

PMP KE ARAH PENCEGAHAN DAN TADBIR URUS TERBAIK DIUTAMAKAN



Teguran hasil daripada PMP adalah **DIWAJIBKAN** untuk diambil tindakan. Pelaksanaan tindakan tersebut hendaklah dilapor semula kepada pihak UI dalam tempoh **6 BULAN**

KEBERKESANAN PMP

Teguran ke atas Setiausaha Politik (SUPOL) dan Setiausaha Sulit Kanan (SUSK)

UI NRECC telah melaksanakan PMP dan memberi teguran secara bersemuka kepada Setiausaha Politik (SUPOL) dan Setiausaha Sulit Kanan (SUSK) berhubung aduan yang kerap diterima melibatkan Pejabat YB Menteri dan Timbalan Menteri. Teguran dan khidmat masihat yang diberikan menekankan peranan kepimpinan iaitu *action speak louder than words*. PMP ini adalah atas permintaan pandangan dan khidmat nasihat oleh Bahagian Pentadbiran dan Kewangan.

Sesi taklimat kepada pejabat YB Menteri dan YB Timbalan Menteri yang sebelum ini dilakukan secara *'in silo'* oleh Bahagian Pengurusan dan Kewangan kini telah melibatkan UI dan bahagian-bahagian lain di kementerian. Sesi tersebut memfokuskan isu-isu yang kerap berbangkit melibatkan Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri dan perkara ini akan dibentangkan secara menyeluruh kepada SUSK dan SUPOL. Antara isu adalah urusan pentadbiran dan kewangan yang berkaitan dengan integriti. Perkara ini dilihat sebagai langkah permulaan untuk Bahagian Pengurusan berkolaborasi dengan UI dan lain-lain bahagian dalam memastikan tadbir urus dan integriti di Pejabat Menteri dan Timbalan Menteri berada pada tahap terbaik.

Teguran ke atas Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BOG)

UI NRECC menerima aduan mengenai isu konflik kepentingan dalam pelantikan jawatan dalam Lembaga Ahli Geologi Malaysia (BOG).

UI NRECC telah mengadakan sesi PMP bersama Pengerusi dan Pendaftar BOG dan telah menambahbaik Tatacara Pelantikan Jawatan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah BOG serta pematuhan prosedur bagi pelantikan Pendaftar BOG dan prosedur pendaftaran Firma Perunding Geologi. Tujuan penambahbaikan tatacara dan prosedur ini adalah bagi mengelak dari berlakunya isu konflik kepentingan peribadi dalam kalangan Ahli Lembaga BOG.

Selain itu, pihak BOG telah bersetuju dengan kesemua syor UI NRECC dan maklum balas pelaksanaan syor yang dicadangkan juga telah dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 6 bulan. Tindakan PMP ke atas BOG merupakan satu hasil berimpak tinggi serta menunjukkan semangat kepimpinan yang berintegriti dalam kalangan Pengurusan Tertinggi agensi.

KELEBIHAN PMP



Tiada sebarang kos tambahan



Mengubah tanggapan ke atas UI sebagai rakan sekerja kerap meminta bantuan UI untuk pandangan dan khidmat nasihat



Meningkatkan kerjasama warga kerja dalam fungsian UI



Sokongan dan keyakinan Pengurusan Tertinggi memudahkan pelaksanaan fungsian UI




PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) SIRI 2.0

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)

Pelan OACP JPJ 2021-2025 merupakan dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam kalangan warga JPJ. Setiap warga perlulah menghayati dan memelihara imej perkhidmatan awam menerusi penerapan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang berintegriti.

Pembangunan OACP JPJ adalah bagi menyahut saranan dalam menjayakan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) serta mewujudkan era baru yang lebih telus dan bertanggungjawab. *Kick-off* pembangunan OACP JPJ telah bermula pada 14 November 2019 dan siap dibangunkan pada hujung tahun 2020 serta pelan tersebut telah berkuatkuasa pada hujung tahun 2020.

PEMBANGUNAN OACP SIRI 2.0 (November 2019–Disember 2020)



PENGISYTIHARAN WANG SAKU

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)

Inisiatif pengisytiharan wang saku merupakan satu arahan dalam Jabatan Pengangkutan Jalanraya (JPJ) yang mengkehendaki pegawai dan kakitangan JPJ membuat pengisytiharan wang semasa bertugas di waktu pejabat dan semasa menjalankan tugas rasmi di luar pejabat.

Pengisytiharan dilaksanakan secara manual melalui pengisian dalam buku laporan khas. Inisiatif ini mula berkuatkuasa pada tahun 1982 melalui arahan dalaman seperti berikut:

- ARAHAN JABATAN JPJ BIL 9 TAHUN 1982
- SURAT PEKELILING TAHUN 1998
- ARAHAN JABATAN JPJ BIL 10 TAHUN 2008 oleh Bahagian Pengurusan
- ARAHAN JABATAN JPJ BIL 2 TAHUN 2018 oleh Bahagian Pengurusan
- ARAHAN JABATAN JPJ BIL 5 TAHUN 2019 oleh Bahagian Integriti



SIAPA YANG PERLU ISYTIHAR?

- Pegawai yang menjalankan tugas:
- Pemeriksaan Kenderaan
 - Pengujian
 - Pelesenan Pemandu
 - Penguatkuasaan
 - Perkhidmatan Kaunter
 - Ketua Stesen Penguatkuasa
 - Ketua Stesen Kawalan Sempadan

SIAPA PEGAWAI PEMANTAU?

- Pegawai yang menjalankan tugas:
- Pengarah & Timbalan Pengarah
 - Ketua Bahagian
 - Penolong Pengarah
 - Ketua Cawangan
 - Ketua Stesen Penguatkuasa
 - Ketua Stesen Kawalan Sempadan
 - Ketua Pejabat UTC
 - Penyelia

APA YANG PERLU DIISYTIHAR?

- Butiran yang diperlukan:
- Tarikh & Masa
 - Nama Pegawai
 - Jumlah Wang
 - Tujuan
 - Tandatangan Pegawai & Penyelia
 - Catatan
 - Tandatangan Pegawai Pemantau

APAKAH TINDAKAN SEKIRANYA GAGAL ISYTIHAR?

Kegagalan pematuhan kepada arahan akan dikenakan **TINDAKAN TATATERTIB** sama ada kepada Pegawai Pengisytihar, Pegawai Penyelia atau Pegawai Pemantau

TUJUAN PENGISYTIHARAN WANG SAKU

PENGAWASAN

Memantapkan keutuhan sistem pengawasan pentadbiran



PENCEGAHAN

Mengelakkan tohmahan rasuah atau perlakuan penyelewengan ke atas pegawai dan kakitangan semasa bertugas



TANGGUNGJAWAB

Memperkasakan tanggungjawab penyelia selaras dengan Perintah 3C (Peraturan -Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993)



TELUS & INTEGRITI

Memastikan fungsi dan tanggungjawab pegawai dan kakitangan lebih telus dan berintegriti





KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING AM BILANGAN 4 TAHUN 2021

MODUL PENGUKUHAN INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

MODUL PENGUKUHAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH (MPGIA)

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)

Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA) sebelum ini dikenali sebagai 'Modul Integriti' diperkenalkan oleh JKDM pada tahun 2012. Modul ini menjadi salah satu pengisian wajib dalam kursus anjuran Akademik Kastam Diraja Malaysia (AKMAL) di Kampus utama (Melaka) dan di peringkat cawangan iaitu AKMAL Cawangan Sabah, AKMAL Cawangan Sarawak, AKMAL Cawangan Langkawi, AKMAL Cawangan Selatan (Johor), dan AKMAL Cawangan Timur (Kelantan).

Silibus MPGIA dibangunkan oleh Cawangan Integriti JKDM dan Cawangan Pembangunan dan Penyelidikan AKMAL berdasarkan kehendak Pekeliling Am Bilangan 4 Tahun 2021. Modul ini bertujuan memastikan warga JKDM memahami usaha-usaha pemantapan governans, integriti dan antirasuah dalam perkhidmatan awam. Perkara ini selaras dengan perkembangan semasa dan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

SILIBUS MPGIA JKDM

- Menjadikan JKDM Agensi Berintegriti
- Rasuah dalam JKDM dan Inisiatif Pencegahan Rasuah
- Kesalahan Lazim Tatatertib dalam Perkhidmatan JKDM
- Isu-Isu Lazim dalam Perolehan Awam

MPGIA merupakan salah satu inisiatif pencegahan rasuah yang dilaporkan oleh Cawangan Integriti JKDM di bawah fungsi **Pengukuhan Integriti** kepada **Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA)**, **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)** setiap empat bulan iaitu pada Mei, September dan Januari.

Pelaksanaan MPGIA akan

menyemarakkan integriti, mengukuhkan pemahaman berkaitan kesalahan rasuah

dan meningkatkan kesedaran warga kerja JKDM untuk melaporkan jenayah itu.

Seterusnya, menjadikan warga JKDM sentiasa mengamalkan integriti dalam menjalankan tugas memungut hasil, membanteras penyeludupan dan mengawal sempadan negara.

KURSUS-KURSUS ANJURAN AKMAL YANG MENDUNGKI MPGIA



Kursus Asas



Kursus Kemahiran



Kursus Lanjutan



Kursus Kenaikan pangkat



Kursus Induksi Umum

MyINTEGRITI :SISTEM PENGURUSAN ADUAN INTEGRITI JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)

MyIntegrity merupakan sistem pengurusan aduan yang dibangunkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dengan kerjasama Biro Pengaduan Awam (BPA). Sistem ini telah mula beroperasi pada 16 Oktober 2020 secara optimum bagi menguruskan aduan salah laku warga JKDM, menyelaraskan rekod aduan yang diterima, memastikan tindakan terhadap semua aduan dan memudahkan pemantauan. Semua ini dilakukan secara dalam talian dan sistematik.



PEMBANGUNAN SISTEM MyINTEGRITI



Arahan Ketua Pengarah Kastam Malaysia untuk membangunkan sistem pengurusan aduan, khusus untuk salah laku pegawai JKDM

Kerjasama JKDM dan BPA dalam membangunkan MyIntegrity

Penyiapan Sistem MyIntegrity

Garis Panduan Pengurusan Aduan Awam dan Aduan Integrity melalui SISPAA/MyIntegrity

SISTEMATIK, BERKESAN, RESPONSIF DAN MUDAH DIPANTAU


PELENGKAP KEPADA SISPAA

MyIntegrity adalah pelengkap kepada Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) yang menjadi platform kepada orang ramai membuat aduan dan pertanyaan mengenai perkhidmatan awam. MyIntegrity berfungsi secara berasingan dengan SISPAA. Perkara ini bertujuan memudahkan pengurusan dan pemantauan aduan salah laku pegawai JKDM. Sekiranya, aduan salah laku pegawai diterima melalui SISPAA, aduan tersebut akan dipindahkan ke dalam MyIntegrity untuk urusan lanjut.

JAWATANKUASA PENGURUSAN ADUAN (JKPA)

Semua aduan yang didaftar melalui MyIntegrity akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Pengurusan Aduan (JKPA) JKDM untuk penilaian dan keputusan. JKPA akan bersidang dua kali dalam seminggu dan dipengerusikan oleh Ketua Cawangan Integrity. Sekiranya ketiadaan Ketua Cawangan Integrity, JKPA akan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Cawangan Integrity. Minimum bilangan ahli JKPA adalah dua orang. JKPA adalah mekanisme penting bagi memastikan tindakan terhadap setiap aduan dibincangkan secara telus, adil dan berkesan.

PROSES KERJA PENGURUSAN ADUAN SALAH LAKU





TAPISAN INTEGRITI

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)


Tapisan Integriti dilaksanakan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebagai tambahan kepada Tapisan Keutuhan Pekeliling Am Sulit Bilangan 1 Tahun 1985. Tapisan Integriti diwujudkan bagi memastikan hanya warga JKDM yang bebas daripada sebarang salah laku dan hukuman tatatertib sahaja layak dipertimbangkan bagi tujuan kenaikan pangkat, pemangkuan, persaraan, penganugerahan darjah kebesaran, bintang dan pingat sama ada di peringkat jabatan, negeri atau persekutuan. Tapisan turut dibuat terhadap pegawai JKDM yang memohon untuk mendapatkan lesen senjata api. Pada tahun 2022, Cawangan Integriti JKDM melaksanakan Tapisan Integriti melibatkan 1,850 pegawai JKDM.

Tapisan Integriti adalah berbeza dengan Tapisan Keutuhan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).


PUNCA KUASA

Perintah Tetap Perjawatan (PTP) Bilangan 77: Dasar Pengurusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat dalam Jabatan Kastam DiRaja Malaysia

Perintah Tetap Perjawatan (PTP) Bilangan 78: Dasar Penempatan dan Pertukaran Pegawai Kanan Kastam dan Pegawai Kastam



PROSES KERJA TAPISAN INTEGRITI



SISTEM TAPISAN KEUTUHAN ELEKTRONIK- PROSES PEMILIHAN PEMBEKAL BAGI PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK)



Pada 22 November 2021, Mesyuarat Pengurusan Utama (MPU) Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah menetapkan pelaksanaan langkah kawalan dalaman atau saringan eSTK terhadap semua pembekal yang berurusan dengan AADK bermula tahun 2022. Inisiatif ini merupakan usaha Unit Integriti (UI) AADK di mana mewujudkan satu mekanisme *due diligence* dalam proses tender AADK yang bertujuan untuk mengurangkan risiko pemilihan pembekal yang mempunyai rekod kesalahan rasuah yang boleh menjejaskan pertimbangan dalam urusan yang berkaitan.

Sistem Tapisan Keutuhan Elektronik atau lebih dikenali dengan nama singkatannya eSTK telah diselenggarakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak 1 Januari 2013. Sistem ini merupakan satu sistem dalam talian (*online*) atau berasaskan web yang diguna pakai untuk mengurus tapisan keutuhan bagi mengetahui status integriti pegawai kerajaan, syarikat swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) termasuk persatuan, kelab dan pertubuhan berdaftar di seluruh Malaysia dengan lebih cekap, cepat dan sistematik. Proses ini juga turut merangkumi semakan status calon tapisan dan juga kemudahan menyemak keputusan tapisan yang telah dikemaskini dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan dihantar ke SPRM.

eSTK-KOLABORASI BERSAMA BAHAGIAN PENGURUSAN REKOD DAN MAKLUMAT (BPRM), SPRM

Dengan kerjasama BPRM, eSTK mula diadaptasi dalam proses pemilihan pembekal yang telah disenarai pendek bagi perolehan secara sebut harga oleh Cawangan Kewangan dan Perolehan AADK. Nama syarikat yang telah dimuktamadkan sebagai petender yang berjaya oleh Jawatankuasa Sebut Harga akan diserahkan oleh BKP kepada UI untuk semakan sebelum SST dijana dalam sistem ePerolehan dan dikeluarkan kepada pembekal tersebut.

eSTK-PROSES ALIRAN KERJA



WAY FORWARD eSTK

Bagi memastikan pengaplikasian eSTK yang berterusan, proses kerja ini telah dimasukkan ke dalam proses perolehan AADK di mana bermula tahun 2023 semua perolehan di bawah Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) yang dimuktamadkan oleh Jawatankuasa Sebut Harga perlu melalui semakan eSTK.

OUTPUT eSTK



102 orang pembekal telah disemak dan mendapati semua permohonan eSTK adalah pembekal yang bebas daripada sebarang rekod kesalahan rasuah.



TATACARA OPERASI PIAWAI (TOP)

JABATAN PERTANIAN (DOA)

Unit Integriti (UI) Jabatan Pertanian (DOA) telah memperkenalkan Tatacara Operasi Piawai (TOP) bagi memastikan warganya mempunyai panduan dalam melaksanakan proses kerja terutama bagi tugas yang melibatkan pelanggan Jabatan Pertanian. Idea untuk pembangunan TOP bermula dengan pelaksanaan *Corruption Risk Management* (CRM) bagi pembangunan Pelan Antirasuah Jabatan Pertanian (PLANT DOA) 2020-2025 di mana salah satu isu yang dikenal pasti adalah mengenai fungsi DOA dilaksanakan dengan hanya berpandukan kepada amalan pegawai sehingga menyebabkan berlakunya kecuai atau tertinggal langkah-langkah penting di dalam melaksanakan sesuatu proses kerja.

Cadangan pembangunan TOP telah diangkat ke **Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Jabatan Pertanian Bil.4/2019 pada 11 Disember 2019** di mana diputuskan supaya semua tatacara pelaksanaan tugas di Jabatan Pertanian diselaraskan, diseragamkan dan didaftarkan sebagai TOP Jabatan Pertanian.


TOP merupakan satu **DOKUMEN RASMI** yang mengandungi butiran-butiran dan arahan-arahan mengikut turutan pelaksanaan sesuatu aktiviti sebagai rujukan kepada individu dalam melaksanakan aktiviti tersebut. TOP yang telah dibangunkan perlu dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Dasar Jabatan Pertanian untuk diluluskan sebelum didaftarkan sebagai TOP Jabatan Pertanian.

MENGAPAKAH **TOP** DIPERLUKAN?

- Menghapuskan konsep kerja "amalan pegawai lama"
- Memastikan sesuatu proses kerja dilaksanakan secara seragam dan teratur
- Menangani risiko kelemahan governans, integriti dan antirasuah
- Pendekatan bagi menangani isu Jawatankuasa Antirasuah (JAR) di bawah Terma Rujukan: Sistem dan Prosedur Kerja
- Mewujudkan dan meningkatkan nilai atau tahap kebolehpercayaan stakeholders

PROSES PEMBANGUNAN **TOP**

Bahagian Perancangan Strategik merupakan penyelaras dan urus setia mesyuarat pemantauan status pembangunan TOP DOA



20 TOP Dibangunkan sehingga Jun 2023

Antaranya TOP Pengesanan & Pengesahan yang dibangunkan oleh UI DOA bagi menyeragamkan langkah yang perlu dipatuhi oleh pegawai bermula daripada penerimaan maklumat, pembukaan Kertas Pengesanan dan Pengesahan (KPP), tempoh masa penyiapan KPP, kaedah pemantauan dan penandaan kandungan KPP serta pengurusan rekod dokumen.

PLANT DOA 2020-2025

- TOP Siasatan Ladang Bagi Pengesyoran Permohonan Insentif Galakan Pengeluaran Bahan Makanan yang Diluluskan di Bawah Akta Cukai Pendapatan 1967
- TOP Pengurusan Tabung Pelajar
- TOP Pengenalpastian Racun Haram dan Racun Tidak Berdaftar
- TOP Pengurusan Bahan Bukti (Eksibit)
- TOP Serbuan



POLISI PEMANTANPAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH DALAM JABATAN PERTANIAN

JABATAN PERTANIAN (DOA)

Dalam usaha untuk meningkatkan governans, integriti dan antirasuah, Unit Integriti (UI) Jabatan Pertanian (DOA) telah membangunkan beberapa polisi dan garis panduan yang berkaitan integriti bagi memastikan tadbir urus terbaik diperkukuhkan dan dimantapkan untuk menangani isu-isu integriti, terutamanya berkaitan salah laku jenayah, pelanggaran tata kelakuan dan etika di dalam jabatan. Tiga (3) polisi telah dibangunkan bagi penetapan hala tuju jabatan ke arah penerapan budaya antirasuah, pengamalan nilai integriti yang tinggi dan tadbir urus yang baik di dalam penyampaian perkhidmatan DOA kepada golongan sasaran.

PELAN ANTIRASUAH DOA (PLANT DOA) 2020-2025



PLANT DOA 2020-2025 telah dilancarkan pada 18 Ogos 2020 dan merupakan satu dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah di DOA.

VISI

Melahirkan warga yang bebas rasuah dan salah laku dengan meningkatkan kredibiliti dan akauntabiliti dalam penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasaran

MISI

Memandu semua untuk bersikap dan bertindak selaras dengan inisiatif yang digariskan dalam pelan ini sebagai usaha mencapai visinya

BIDANG KEUTAMAAN

- Pentadbiran Sektor Awam
- Perolehan
- Penguatkuasaan

3 STRATEGI

- Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam
- Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan perolehan awam
- Menginstitusikan kredibiliti penguatkuasaan undang-undang

58 INISIATIF

56 INISIATIF

SEMAKAN SEMULA PLANT DOA

1 JAN 2023

43 Jangka pendek

7 Jangka sederhana

6 Jangka panjang

POLISI ANTIRASUAH DOA

Polisi Antirasuah Jabatan Pertanian dibangunkan selaras dengan pelaksanaan MS ISO 37001: 2016 Anti-Bribery Management System (ABMS).

Polisi ini menerangkan Dasar Antirasuah DOA yang menekankan iltizam untuk menerapkan amalan tadbir urus efektif, berintegriti tinggi dan bebas rasuah dalam mewujudkan industri pertanian yang berdaya saing, pengeluaran produk berkualiti, selamat dan mesra alam serta berorientasi eksport.

Polisi ini juga menerangkan kesalahan-kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Malaysia 2009 dan undang-undang serta peraturan lain yang berkuatkuasa berkaitan perlakuan rasuah untuk rujukan warga DOA.



TUJUAN

- Penerapan budaya antirasuah
- Pengamalan nilai integriti yang tinggi
- Tadbir urus yang baik dalam pelaporan dan membuat keputusan

KETIDAKPATUHAN POLISI

Dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) DOA

WARGA DOA

Tindakan tatatertib dan jika terlibat dengan kes rasuah boleh dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

STAKEHOLDER

Tindakan penangguhan/pembatalan / penamatan/kontrak/ bayaran ganti rugi atau tindakan undang-undang yang berkaitan sekiranya berlaku kerugian kepada DOA

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT DOA



Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat DOA dibangunkan bertujuan menggalak dan memudahkan warganya untuk menyalur dan mendedahkan maklumat berkaitan kelakuan tidak wajar yang berlaku di DOA atau yang melibatkan warga DOA. Polisi ini dibangunkan berpandukan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].

TUJUAN POLISI

- Menggalakan warga DOA untuk tampil memberi maklumat berkaitan Kelakuan Tidak Wajar
- Memberi jaminan bahawa terdapat perlindungan daripada Tindakan Yang Memudaratkan sekiranya hadir membuat laporan atau memberi maklumat dengan niat suci hati "good faith"
- Supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil hasil pendedahan Kelakuan Tidak Wajar




JANGAN GENTAR!!!



GARIS PANDUAN DAN ARAHAN DALAM BERKAITAN INTEGRITI

JABATAN PERTANIAN (DOA)

Unit Integriti (UI) Jabatan Pertanian (DOA) telah membangunkan tiga (3) garis panduan dan satu (1) arahan dalam berkaitan integriti sebagai rujukan warga DOA. Garis panduan dan arahan dalam ini dibangunkan selaras dengan inisiatif yang digariskan di dalam PLANT DOA 2020-2025 dan bagi mengatasi isu-isu yang wujud di dalam jabatan.



1

GARIS PANDUAN JAWATANKUASA SIASATAN DALAM (JKSD) DOA

Garis panduan ini merupakan rujukan kepada Jawatankuasa Siasatan Dalam (JKSD) DOA dalam menjalankan siasatan ke atas laporan berhubung apa-apa kesalahan berkaitan warga Jabatan berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara, Pihak Pengurusan Tertinggi Jabatan atau mana-mana agensi kerajaan.

KEPERLUAN GARIS PANDUAN

Ketiadaan satu panduan yang seragam dalam pengurusan JKSD DOA yang boleh mengakibatkan wujud beberapa kelemahan dan kesilapan semasa menjalankan siasatan

- Objektif JKSD
- Keanggotaan JKSD
- Fungsi & Bidang Kuasa
- Tempoh Siasatan
- Sumber Siasatan
- Prosedur Siasatan
- Kaedah Siasatan




KANDUNGAN GARIS PANDUAN

Dengan wujudnya garis panduan ini yang berkuatkuasa pada 16 Ogos 2021, JKSD yang ditubuhkan oleh Jabatan Pertanian di masa hadapan dapat menjalankan siasatan dengan lebih teratur mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan.

2 GARIS PANDUAN PERMOHONAN MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR DOA

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada warga DOA untuk mendapatkan kebenaran Ketua Jabatan bagi menjalankan pekerjaan luar selaras dengan Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].



Pembangunan garis panduan ini dilaksanakan bagi memberi penerangan mengenai syarat-syarat melakukan pekerjaan luar, pihak berkuasa yang meluluskan dan tatacara permohonan sebagai panduan kepada warga jabatan yang ingin mendapatkan kebenaran Ketua Jabatan. Garis panduan ini telah diluluskan oleh Ketua Pengarah Pertanian dan berkuasa mulai 11 Mei 2021.

3 PANDUAN MENGURUS MELAPORKAN TINDAKAN TATATERTIB DOA



Panduan ini diterbitkan selaras dengan hasrat jabatan untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai yang terlibat dalam menguruskan kes-kes pelanggaran tatatertib. Panduan yang dikeluarkan ini dapat memastikan pengurusan tindakan terhadap tatakelakuan pegawai di semua peringkat dapat dilaksanakan dengan cepat, lengkap, seragam dan teratur.

Langkah ini juga sebagai usaha untuk meningkatkan kecekapan pengurusan sesuatu urusan tatatertib yang berkaitan dengan pegawai bagi mengelakkan timbulnya unsur 'condonation' (pemaafan) terhadap sesuatu kes yang mengambil masa yang terlalu lama untuk diambil tindakan sewajarnya.

UI Jabatan Pertanian juga telah membangunkan buku *Secalit Lumpur: Kompilasi Kes-Kes Tatatertib* yang memuatkan contoh-contoh kes tatatertib yang berlaku di Jabatan Pertanian untuk dijadikan sebagai pengajaran dan tauladan kepada warga jabatan agar sentiasa memelihara integriti melalui pengamalan tadbir urus yang baik dan membina kompetensi bagi meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.





AMALAN BAIK

WHEN SHARING BEST PRACTICE IS BEST PRACTICE ITSELF

*“IF PEOPLE KNEW TO COLLABORATE WELL THE
WORLD WOULD SIMPLY WORKS BETTER”*

HANSEN 2009

CAWANGAN DASAR & KONSULTASI (CDK)
BAHAGIAN PENGURUSAN INTEGRITI AGENSI (BPIA)
IBU PEJABAT SPRM
ARAS 12, BLOK A
NO.2, LEBUH WAWASAN,
PRESENT 7, 62250 PUTRAJAYA

E-Mel : urussetia_cdk@sprm.gov.my